

31 MAR 2002

Mahathir-Ketari

KEMENANGAN BUKTI KEJAYAAN KONSEP BN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil Ketari hari ini adalah bukti mengenai kejayaan konsep kerjasama antara parti dan antara kaum menerusi BN.

"Jelas sekali pengundi dan pekerja tidak mengambil kira parti mana dan kaum mana yang bertanding. Apabila kita berusaha, kita berusaha untuk menjayakan Barisan Nasional, tidak ambil kira keturunan calon ataupun parti mana dianya menjadi anggota," kata Perdana Menteri dalam siaran lintas langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebaik sahaja keputusan pilihan raya itu diumumkan malam ini.

Calon BN Yum Ah Ha, 51, menang dengan majoriti 2,204 undi. Beliau memperolehi 7,153 undi menewaskan Choong Siew Onn, 34, daripada DAP yang mendapat 4,949 undi.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Yum, Dr Mahathir menyifatkan kejayaan BN begitu cemerlang kerana kelebihan undi yang dicapainya hampir 10 kali ganda daripada majoriti yang diperolehi oleh calon BN pada pilihan raya umum 1999.

"Ini menunjukkan sebenarnya sokongan yang berkurangan pada pilihan raya 1999 bukan kerana (rakyat) kurang yakin kepada BN tetapi mungkin kerana salah faham," kata Dr Mahathir yang berada di kediamannya di Putrajaya.

Beliau menyertai siaran lintas langsung itu bersama-sama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta para pemimpin parti-parti komponen BN yang berada di dewan Majlis Daerah Bentong, di mana keputusan diumumkan oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya Muhammad Safian Ismail pada pukul 9.10 malam.

Pada pilihan raya umum lepas, calon BN Datuk Loke Koon Kam menewaskan Choong dengan majoriti 231 undi. Loke meninggal dunia 3 Mac lepas akibat barah rahang.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, turut mengucapkan tahniah kepada Abdullah yang memimpin kempen pilihan raya BN yang disertai pekerja-pekerja parti dari semua parti komponen serta pergerakan pemuda, wanita dan Puteri Umno.

"Ini menunjukkan bahawa apabila kita berusaha betul-betul, kita akan mendapat kejayaan. Yang menjadi masalah kadang-kadang kerana kurang usaha, kurang turun ke padang," katanya.

"Jadi kali ini kita telah membuktikan bahawa usaha mendampingi rakyat adalah penting bagi mencapai kejayaan," katanya.

Dr Mahathir juga memuji anggota-anggota polis, Suruhanjaya Pilihanraya dan semua terbabit yang telah menguruskan pilihan raya itu dengan baik.

Katanya, tidak ada insiden seperti yang berlaku pada pilihan raya kecil di Lunas pada November 2000 apabila cara-cara kasar telah digunakan oleh parti lawan untuk menyekat pekerja BN daripada menjalankan tugas mereka.

"Pengurusan pilihan raya ini adalah bukti bahawa di Malaysia demokrasi berjalan dengan baik dan tidak ada sekatan kepada sesiapa yang ingin mengundi walaupun mereka mengundi parti pembangkang.

"Kita memberi peluang secukupnya kepada sesiapa sahaja untuk berkempen asalkan tidak menggunakan kekerasan. Inilah cara kita di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

SR AZZ MAI